

24 FEB 2001

Mahathir-Kakitangan

KAKITANGAN AWAM BERSIKAP PROFESIONAL, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 24 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sikap profesional kakitangan awam termasuk pasukan tentera dan polis telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan negara yang pesat seperti yang dapat dilihat sekarang.

Perdana Menteri berkata, kakitangan awam di Malaysia melaksanakan tugas mengikut undang-undang negara dan tidak berpihak kepada mana-mana parti politik membolehkan mereka melaksanakan dengan baik segala keputusan dan dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan.

"Kalau mereka mula mempersoalkan keputusan yang dibuat oleh kerajaan kerana mereka menyokong parti lain, maka segala keputusan kerajaan tidak akan dapat dilaksanakan," katanya pada majlis dialog dengan kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri di sini.

Kira-kira 600 orang kakitangan awam menghadiri sesi dialog itu.

Terdapat 75,000 kakitangan awam di Sarawak yang terdiri daripada 50,000 kakitangan persekutuan dan 25,000 kakitangan awam negeri.

Kalau keputusan kerajaan tidak dapat dilaksanakan oleh kakitangan awam akibatnya negara ini tidak akan membangun.

Dr Mahathir juga berkata terdapat golongan tertentu kini semakin kuat berusaha dengan pelbagai cara untuk menghalang kakitangan awam supaya tidak lagi setia kepada kerajaan yang dipilih rakyat.

"Ada juga yang terpengaruh...saya berharap kumpulan ini akan lenyap tetapi jika sebahagian besar daripada kakitangan awam tidak setia lagi kepada kerajaan kita tidak akan dapat membantu rakyat," katanya.

Beliau berkata tidak ada sebuah negara yang kerajaannya mampu membuat keputusan yang baik belaka dan bebas daripada segala kesilapan dan kesalahan.

"Tetapi kalau kita lihat di Malaysia dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan...kita dapati pembangunan berlaku dan inilah tandanya kita telah membuat keputusan yang betul," katanya.

Beliau menjelaskan terdapat juga golongan yang lebih eksterim yang berusaha supaya segala keputusan kerajaan tidak dilaksanakan terus semata-mata supaya kerajaan jatuh dan parti lain pula memerintah.

"Jika mereka naik nanti penyokong lama akan sabotaj kerajaan yang baru dan jika ini berterusan tukarlah berpuluh kerajaan tidak akan ada apa yang berlaku di negara ini," katanya.

Dr Mahathir juga menekankan pentingnya negara ini dan negeri Sarawak terus diperintah oleh kerajaan yang kuat dengan majoriti dua pertiga.

"Ini bukan kerana kita gila kuasa tetapi sebagai kerajaan yang kuat ia dapat melaksanakan keputusan demi kebaikan rakyat tanpa merasa takut dan bimbang akan ditumbangkan," katanya.

-- BERNAMA

MT AZZ PR